

Bank diminta beri pinjaman kepada peniaga berwibawa

UM 15 NOV 2001

KUALA LUMPUR 14 Nov.-- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad 'berkata, kerajaan akan terus meminta bank-bank memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil yang terbukti berwibawa dalam perniagaan mereka.

Katanya, beliau yang juga Menteri Kewangan menvedari kadang-kadang pihak bank langsung tidak mahu menanggung risiko lantas mengambil langkah terlalu berhemat dalam pemberian pinjaman.

"Tetapi kita akan cuba memujuk mereka memberi pinjaman. Jika perniagaan (peniaga kecil) itu dalam keadaan baik, tidak patut ada kesukaran mendapatkan pinjaman.

"Selain daripada bank, kita juga ada banyak dana yang boleh memberikan pinjaman," katanya kepada pembicaraan ketika menghadiri rumah terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu sempena perayaan Deepavali di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pendedahan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh di Dewan Rakyat baru-baru ini, mengenai sikap pihak bank yang agak berat memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil.

Perdana Menteri berkata, sikap tersebut mungkin didorong oleh langkah berhati-hati pihak bank ekoran kadar bayaran balik pinjaman yang kurang memuaskan.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir mena-

sihati peniaga supaya tidak lupa membayar balik pinjaman mereka.

"Sekiranya anda merasakan tidak mampu untuk membayar balik, jangan meminjam (daripada bank)," katanya.

Beliau tidak menolak senario pembayaran balik pinjaman yang tidak memberangsangkan itu menyebabkan pihak bank bersikap terlalu berhemat.

"Kadang-kadang dia takut bagi pinjaman banyak-banyak," katanya.

Ditanya adakah keadaan ini akan menjejaskan usaha pemulihan ekonomi, Perdana Menteri menjelaskan buat masa ini, kerajaan mempunyai beberapa langkah untuk merencanakan ekonomi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pinjaman perniagaan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri turut ditanya mengenai pengganti Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff yang akan menamatkan perkhidmatannya hujung bulan ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau belum memikirkan sama ada akan melanjutkan kontrak Kamaruzzaman atau tidak.

"Itu kita kena kajilah berapa lama beliau berkhidmat, ada calon lain atau tidak.

"Ini semua perkara rumit, bukan boleh buat keputusan semasa sidang akhbar," katanya.